

Kursi Islam tingkat martabat

SEREMBAN 15 Okt.

- Pelancaran Kursi

Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd. Yassin Muhammad di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) amat bertepatan dengan komitmen Malaysia untuk meningkatkan martabat umat Islam di mata dunia.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, inisiatif berkenaan membolehkan universiti berfungsi sebagai pusat meneroka aspek kepemimpinan dari perspektif Islam.

“Secara tidak langsung berupaya mengembangkan teori dan pengalaman Malaysia dalam membentuk pemimpin masa hadapan.

“Kajian-kajian yang dijalankan diharapkan dapat menghasilkan penemuan kajian bersifat universal untuk dijadikan panduan pemimpin di peringkat global, seterusnya menjadi pusat promosi model kepemimpinan baharu yang unik dan stabil,” katanya.

Beliau berucap dalam majlis pelancaran Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd. Yassin Muhammad di Dewan Besar USIM, Nilai hari ini.